

# Umat Islam diminta jauhi sikap bengis ancam kerukunan

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta umat Islam menjauhi sikap bengis yang mengancam kerukunan dan keamanan.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata Datuk Seri Anwar Ibrahim merujuk kepada kejadian seorang warga emas yang menampar seorang pemuda bukan Islam kerana makan di khalayak ramai.

Katanya, Perdana Menteri meminta tindakan seperti itu perlu dihentikan kerana ia bertentangan dengan semangat perpaduan dan keharmonian negara.

“Apa gunanya kita bicara soal Islam serta keindahannya, terutama di bulan Ramadan, sekiranya ia tidak membina kekuatan dalaman dan menjauhkan kita daripada sikap yang bengis dan mengancam keamanan dan kerukunan.

“Isu yang menyentuh sensitiviti agama, kaum dan bangsa ini boleh dielakkan jika semua pihak patuh dan komited mengamalkan prinsip hormat-menghormati antara satu sama lain bagi membina sebuah negara yang bertamadun,” katanya.

Mahkamah Majistret semalam, melepas tanpa membebaskan (DNAA) warga emas yang didakwa menampar seorang pemuda yang dikatakan ‘tidak berpuasa’, Ahad lalu.

Majistret A Shaarmini membuat keputusan berkenaan selepas Timbalan Pendakwa Raya, Nur Fatimah Mohd Nizam, memaklumkan mendapat arahan untuk merujuk semula kertas siasatan kes berkenaan ke Jabatan Peguam Negara (AGC) di Putrajaya.

Terdahulu, kes berkenaan sempat menjalani prosiding apabila Orang Kena Saman (OKS), Abdul Razak Ismail, 65, mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret A Shaarmini tetapi pengakuan ditolak kerana ia bersyarat.

Abdul Razak didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap seorang pemuda berusia 21 tahun di premis kedai serbaneka di sebuah pusat beli belah di sini, jam 3.45 petang, Ahad lalu.